

30 November 2016 Seramai 60 pelajar yang mengikuti kelas **KMU 1063 Pengenalan Kesihatan Mental** telah mengikuti Lawatan Ilmiah ke Hospital Sentosa, Kuching. Para pelajar dirungi oleh pensyarah kursus, Dr Jamayah Saili dan ceramah berkaitan Kesihatan Mental telah disampaikan oleh Dr Seed, Pakar Psikiatri di Hospital Sentosa. Encik Azzizie selaku pegawai kebajikan perubatan turut memberikan penerangan sebelum lawatan ke wad dijalankan.

Lawatan ini telah membuka mata serta minda para pelajar yang terdiri dari pelbagai program termasuk Kejuruteraan, Bioteknologi, Muzik, Senireka Industri, Pembangunan Sumber Manusia, Sains Kognitif , Ekonomi dan Kejururawatan.

Rombongan telah dibawa melawat Wad Wanita 1 dan 3, Wad Lelaki 1 dan 3 serta Wad Forensik selain ruang *Occupational Therapy*, bangunan pentadbiran serta bilik ECT (*Electroconvulsive Therapy*).

Lawatan ini telah mencapai objektif yang dihasratkan iaitu pendedahan mengenai peranan serta fungsi Hospital Sentosa. Para pelajar turut mengenalpasti pengaruh stigma yang menebal dalam kalangan masyarakat terhadap pesakit mental. Diharapkan lawatan sebegini dapat menjadikan pelajar ini menjadi agen kepada kehidupan yang sihat beserta dengan kesihatan mental yang lebih sihat.



